

(2 Februari 2021) Sinar Harian, P. 3

# 4,280 kes sembuh, 10 kematian

Kes baharu turun kepada 4,214 selepas tiga hari cecah angka 5,000 kes

## KUALA LUMPUR

Selepas tiga hari berturut-turut kes baharu Covid-19 mencecah angka melebihi 5,000, jumlah yang dicatat semalam menyaksikan sedikit penurunan dengan 4,214 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu juga kurang berbanding kes sembuh harian iaitu 4,280 menjadikan kes sembuh sepenuhnya daripada Covid-19 adalah sebanyak 170,329 kes.

Beliau berkata, jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 dalam negara kini mencecah 219,173 manakala jumlah kes aktif dengan kebolehan jangkitan

ialah 48,074.

“Daripada jumlah kes baharu itu, terdapat sembilan kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan Covid-19 dalam negara pula adalah 4,205 kes,” katanya dalam kenyataan mengenai perkembangan Covid-19 di sini pada Isnin.

Dr Noor Hisham berkata, Selangor terus merekodkan jumlah kes baharu harian



DR NOOR HISHAM

tertinggi iaitu 1,362 kes diikuti Johor (1,068 kes) dan Kuala Lumpur (702).

Ia diikuti Sabah (276 kes), Perak (193), Pulau Pinang (119), Sarawak (105), Negeri Sembilan (91), Melaka (85), Kelantan (57), Pahang (54), Kedah (47),

Terengganu (38), Putrajaya (10) dan Labuan dengan tujuh kes.

Katanya, 316 kes ditempatkan di Unit Rawatan Rapi

(ICU) dengan 137 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Beliau berkata, 10 kematian dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif kes kematian ialah 770 kes.



Kes kematian itu melibatkan tujuh lelaki dan tiga wanita warganegara berumur lingkungan 26 hingga 87 tahun dengan lapan daripada mereka mempunyai latar belakang berpenyakit.

Menurutnya, 14 kluster baharu pula dilaporkan menjadikan jumlah kluster aktif kini ialah 401 dengan 73 daripadanya mencatatkan pertambahan kes pada Isnin. - Bernama

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT ISNIN

\*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 1 Februari 2021

**Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia**



## JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

| JUMLAH KESELURUHAN | PULIH   | ICU | KEMATIAN | KES BAHARU |
|--------------------|---------|-----|----------|------------|
| 219,173            | 170,329 | 316 | 770      | +4,214     |

